

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2024

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

## KDNK S4 dijangka 3.4 hingga 3.6%

# KDNK S4 dijangka 3.4 hingga 3.6%

**PETALING JAYA** – Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku keempat (S4) 2023 dijangka berada pada kadar 3.4 peratus hingga 3.6 peratus.

Beberapa pakar ekonomi meramalkan kadar unjuran ini adalah lebih tinggi daripada KDNK pada suku ketiga iaitu 3.3 peratus dan ia juga dilihat selari dengan anggaran awal yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang meramalkan pertumbuhan suku keempat pada kadar 3.4 peratus.

Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengumumkan KDNK suku keempat pada Jumaat ini.

Penganalisis Ekonomi UNIKL, Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih tinggi pada suku keempat iaitu antara 3.4 hingga 3.6 peratus.

Menurut beliau, bagi KDNK keseluruhan 2023, adalah pada 3.9 peratus hingga 4.2 peratus.

"Sektor ekonomi domestik negara masih berkembang baik dan mengekalkan momentum positif.

"Ini disebabkan oleh dasar pihak kerajaan dan aktiviti sektor swasta yang terus memberikan fokus kepada pelbagai aktiviti untuk merancakkan perkembangan ekonomi dan dasar yang strategik," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Profesor daripada Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah menjelaskan, perkembangan ekonomi diramalkan pada kadar 3.2 peratus bagi suku keempat dan bagi keseluruhan tahun 2023 adalah pada empat peratus.

Jelasnya, ini disokong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang dipacu oleh beberapa industri seperti pelancongan serta perhotelan yang melibatkan kemasyarakatan ketara pelancong dari China.

"Industri makanan dan minuman juga amat positif dalam menyokong pertumbuhan ekonomi," ujarnya.

Selain itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid menerangkan, pertumbuhan ekonomi keseluruhan tahun 2023 diramalkan berada pada kadar 3.8 peratus.

Beliau berkata, prestasi yang dijangka lebih rendah sedikit itu adalah kerana sektor luaran yang menyaksikan eksport negara menguncup sebanyak lapan peratus pada tahun lalu.

"Namun, disebabkan situasi ekonomi domestik yang kekal stabil dengan kadar pengangguran terus merosot ke paras 3.3 peratus pada suku keempat 2023 berbanding 3.5 peratus pada suku pertama tahun lalu, ia memungkinkan pertumbuhan domestik terus kekal menjadi peneraju kepada prestasi 2023," katanya.



**PERTUMBUHAN domestik yang stabil memberi impak kepada suku keempat KDNK tahun 2023.** - GAMBAR HIASAN